

**NO. SOALAN: 32**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]**

**TARIKH : 23 MAC 2015 (ISNIN)**

**TUAN ER TECK HWA [ Bakri ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan jumlah rampasan minyak diesel mengikut negeri setiap tahun daripada 2010 hingga 2014.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Dari tahun 2010 hingga 2014, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah merampas minyak diesel sebanyak 27,532,819 liter di seluruh Negara berkaitan kesalahan penyelewengan dan penyeludupan diesel di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Dari jumlah tersebut, rampasan diesel bagi negeri Perlis ialah sebanyak 294,094 liter, Kedah sebanyak 1,717,999 liter, Pulau Pinang sebanyak 1,060,366 liter, Perak sebanyak 2,043,830 liter, Selangor sebanyak 1,532,194 liter, Negeri Sembilan sebanyak 834,513 liter, Melaka sebanyak 147,455 liter, Johor sebanyak 2,118,224 liter, Pahang sebanyak 2,311,536 liter, Kelantan sebanyak 624,640 liter, Terengganu sebanyak 341,385 liter, Sarawak sebanyak 1,906,850 liter, Sabah sebanyak 874,643 liter dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan) sebanyak 11,725,091 liter.